

SULIT



**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2021/2022**

Julai/Ogos 2022

HSA505 – Sejarah Asia: Intelektual dan Arus Perubahan

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi ENAM (6) soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja: **WAJIB** jawab SATU (1) soalan daripada setiap bahagian iaitu Bahagian A, B dan C.

- 2 -

Bahagian A

1. Berdasarkan karya Albert Hourani (1962) *Arabic Thought in the Liberal Age, 1798-1939*, analisiskan idea-idea utama golongan intelektual Arab yang telah menyemarakkan perkembangan nasionalisme *qawmiyya* dan *wataniyya* dalam pemerintahan Empayar Turki-Uthmaniyyah pada kurun yang ke-18 hingga awal kurun ke-20.

[100 markah]

2. "Restorasi Meiji (1868-1912) telah membawa kepada kemunculan Jepun sebagai sebuah kuasa dunia yang baharu dan moden. Kejayaan pemodenan ini juga membawa kepada kebangkitan semangat ketenteraan Jepun lalu merintis ke arah dasar imperialisme Jepun pada empat dekad pertama kurun ke-20."

- [a] Teliti secara bertulis **LIMA [5]** faktor yang mempengaruhi kejayaan Reformasi Meiji (1868-1912) di Jepun.

[50 markah]

- [b] Analisiskan pemikiran Fukuzawa Yukichi ATAU Shumei Okawa ATAU Kiyoshi Miki yang membawa kepada ideologi dan dasar imperialisme Jepun pada empat dekad pertama kurun ke-20.

[50 markah]

Bahagian B

3. "Kedatangan Al-Masih mestilah didahului dengan penubuhan tanah air Yahudi. Adalah tidak memadai untuk menunggu sahaja keajaiban; sebaliknya bangsa Yahudi mestilah bertindak untuk mencipta peristiwa ini." [Rabbi Zvi Hirsch Kalisher, 1795-1874]

Merujuk kepada kenyataan Rabbi Kalisher di atas, huraiakan peranan yang telah dimainkan oleh golongan intelektual Yahudi dalam menafsirkan semula ajaran agama mereka bagi memperhebatkan gerakan nasionalisme Yahudi antara tempoh 1798 hingga 1917.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

4. **Bincangkan** cara golongan sarjana China kurun ke-19 dan ke-20 memberi sokongan dan juga penentangan kepada pemimpin-pemimpin China iaitu Maharani Cixi, Dr. Sun Yat-sen dan Chiang Kai-shek, serta layanan tiga pemimpin itu terhadap mereka.

[100 markah]

5. “Gagasan ‘Lingkungan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya’ ialah konsep imperialism yang dicipta oleh Jepun untuk penduduk Asia dari 1931 hingga 1945. Gagasan ini merangkumi seluruh Asia-Pasifik yang menggalakkan penyatuan atau kerjasama budaya dan ekonomi bagi kawasan Asia Timur Laut, Asia Tenggara dan Asia Selatan.”

- [a] Berdasarkan pernyataan di atas, **bincangkan** secara kritis matlamat Jepun menubuhkan ‘Gagasan Lingkungan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya’ daripada aspek kerjasama ekonomi dengan seluruh Asia-Pasifik.

[40 markah]

- [b] Dengan merujuk mana-mana negara di Asia Tenggara, **huraikan** dengan terperinci mengapa golongan nasionalis dan intelektual di negara tersebut hanya bekerjasama dengan Jepun pada peringkat awal pendudukan Jepun dan mengapa pula mereka menentang Jepun kemudiannya?

[60 markah]

Bahagian C

6. Fahaman Kongfuzisme (Kungfutzisme) telah menjadi tunjang kehidupan dan pentadbiran kerajaan di China terutamanya dalam golongan sarjana berjawatan untuk tempoh sekitar dua ribu tahun. Etika dan moral berasaskan Kongfuzisme merupakan dua elemen penting yang telah menentukan kedudukan dan peranan golongan itu dalam zaman China tradisional.”

Merujuk tempoh sejak Wangsa Han Barat (202SM – 8M) sampai akhir Wangsa Qing (1644M – 1912M), **pertahankan** kesahihan pernyataan di atas.

[100 markah]

- oooOooo -

SULIT